

29/07/2005

Rafidah-Wartawan

RAFIDAH ELAK TEMUI WARTAWAN

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang menjadi "buruan" wartawan sejak dakwaan terbaru mengenai isu Permit Import (AP) kereta asing dibangkitkan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Selasa lepas, masih gagal didekati.

Hari ini sekali lagi usaha wakil media untuk menemui beliau di kementeriannya di sini menemui jalan buntu apabila dihalang oleh pengawal keselamatan daripada memasuki bangunan berkenaan.

Sebaliknya mereka diberitahu Rafidah yang juga Ketua Wanita Umno sedang mempengerusikan mesyuarat tertutup dengan beberapa anggota exco pergerakan itu di Tingkat 6, kementerian terbabit.

"Minta maaf...cik dari mana? Pemberita ya? Ini mesyuarat tertutup. Pemberita tidak dibenarkan naik," kata seorang daripada pengawal keselamatan ketika wakil media cuba menaiki lif untuk ke tingkat 6.

Halangan itu bagaimanapun tidak mematahkan semangat sebahagian daripada wartawan yang ada dan mengambil keputusan untuk menunggu sehingga mesyuarat itu selesai.

Kira-kira tiga jam kemudian beberapa anggota exco Wanita Umno, termasuk Datuk Dr Norraesah Mohamad yang sebelum itu dilihat masuk ke kementerian berkenaan, meninggalkan bangunan menandakan mesyuarat telah berakhir, namun kelibat Rafidah masih tidak kelihatan.

Semalam, sewaktu tiba dari Afrika Selatan selepas menyertai rombongan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke negara itu, Rafidah dilaporkan bergegas menaiki sebuah kenderaan pacuan empat roda apabila melihat wakil media turut sama menunggu ketibaannya.

Semasa di Afrika Selatan, Rafidah dilaporkan mengambil sikap berdiam diri apabila diminta mengulas mengenai kenyataan terbaru Dr Mahathir berhubung isu AP tersebut. Apabila terus didesak, Rafidah hanya sekadar menjawab: "Allah saksi saya" dan "Tanya Perdana Menteri".

Dalam dakwaan terbarunya, Dr Mahathir yang juga penasihat Proton Holdings Bhd berkata selain gagal mendedahkan senarai penuh penerima AP, Rafidah juga telah membohongi perwakilan pada perhimpunan agung Umno yang berakhir Sabtu lepas.

Hasilnya pada malam Rabu lepas, kerajaan mengeluarkan senarai penerima AP bagi tahun 2004, sebagai tambahan kepada senarai 2005 yang telah didedahkan sebelum ini.

Hari ini media melaporkan Dr Norraesah sebagai menyarankan supaya Rafidah dan Dr Mahathir bertemu bagi membincangkan isu tersebut.

-- BERNAMA

NM AM LAT